

# Penyelidikan negara diiktiraf dunia

Sinar (Kuantan)  
Selasa 9/11/10 mryps

Tiga penyelidik menang emas, anugerah khas antarabangsa

KUANTAN - Penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) melakar sejarah bagi negara kita lagi apabila tiga penyelidiknya menang pingat emas dan anugerah khas dalam kategori masing-masing di Pameran Antarabangsa Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi (BIS) yang berlangsung selama empat hari, 13 hingga 16 Oktober lalu di Alexandra Palace, London.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Profesor Dr Rosli Mohd Yunus yang merupakan penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) menang pingat emas melalui produknya, *Recycling of Base Oil From Spent Lubricant* dalam penghasilan minyak pelincir daripada minyak hitam yang diguna semula.

Projek komersial melibatkan kolaborasi UMP Green Technology Sdn Bhd dan Urban Environmental Industries Sdn Bhd ini membabitkan pengekstrakan semula minyak asas daripada sisa buangan minyak pelincir terpakai menggunakan Teknologi Ekstraksi Pelarut. Produknya turut menerima anugerah khas *Grand Final Double Gold Consumer 2010*.

Pingat emas kedua juga dimenangi oleh penyelidik FKKSA, Dr Mimi Sakinah Abdul Munaim menerusi projek beliau yang bertajuk *Sustainable Production of Sorbitol From Biomass Using Green Technology Approach*.

Selain itu, Dr Mimi Sakinah juga menerima anugerah khas *Grand Final Double Gold Industrial 2010* menerusi produknya penyelidikannya dalam menghasilkan gula ringkas (sorbitol) daripada habuk kayu.

Penemuan kaedah yang dihasilkan bersama penyelidik Cik Rusmawarni Ramli dan Dr Zularisam Ab Wahid ini didapati lebih murah dan berkesan bagi menghasilkan gula itu dengan menjadikan habuk kayu yang mengandungi selulosa sebagai bahan mentah serta menggunakan teknologi hijau.

Beliau sebelum ini pernah dinobat-



■ Datuk Dr Daing Nasir meraikan kejayaan penyelidik UMP dalam Pameran Antarabangsa Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi (BIS) yang berlangsung di Alexandra Palace London baru-baru ini. Dari kanan, penyelidik Dr Mimi Sakinah Abdul Munaim, Prof Dr Rosli Mohd Yunus dan Dr Zularisam Ab Wahid menunjukkan pingat emas dan produk penyelidikan masing-masing yang diiktiraf dunia.

kan penerima anugerah khas *World Intellectual Property Organization (WIPO) Best Women Inventor* dalam Pameran Reka Cipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa Ke-21 (ITEX '10) yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 16 Mei lalu.

Pasangan beliau, penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Dr Zularisam Ab Wahid turut meraih pingat emas menerusi projek bertajuk *Development of Clean Renewable Fuel From Wastewater Towards A Sustainable Energy Source Using Green Technology Approach: HEC2*.

Projeknya juga berjaya menerima anugerah khas *Grand Final Double Gold Industrial 2010* dalam penghasilan minyak gas daripada air kumbahan dengan menggunakan tenaga solar.

Kajian bersama Profesor Dr Ideris Zakaria, Abdul Syukor Abdul Razak dan Dr Mimi Sakinah Abdul Munaim ini menghasilkan bahan bakar alternatif kepada bahan api fosil yang lebih bersih, ekonomik dan tidak menyumbang kepada pencemaran gas rumah hijau.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Nasir Ibrahim melahirkan rasa bangga dengan kejayaan ini yang membuktikan keupayaan penyelidikan UMP diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Kejayaan penyelidik UMP ini bukan hanya mengharumkan nama negara di peringkat global, malah mengangkat martabat institusi pengajian tinggi tempatan setanding universiti bertaraf dunia.

Selain itu, ianya dapat meningkatkan kualiti dan bilangan penyelidik di UMP di persada dunia," katanya.

Menurutnya, kemenangan di pertandingan reka cipta peringkat antarabangsa ini bukannya sesuatu yang mudah tetapi universiti berjaya membuktikan bahawa dunia telah mengiktiraf penyelidikan UMP.

Penyertaan UMP dalam pameran BIS ini memberi peluang penyelidik memaksimumkan pendedahan teknologi dan produk terbaik di peringkat dunia, memajukan keupayaan kepada pasaran baru yang lebih luas dan mendapatkan pengiktirafan dunia.